

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PLG 401 - Perkembangan dan Penguasaan Kemahiran Berbahasa  
dan Matematik

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian kertas yang baru.

1. Huraikan dengan ringkas peringkat-peringkat pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak mulai dari kelahiran hingga umur 18 bulan. [25 markah]
  
2. Di awal tahun-tahun persekolahan kanak-kanak (5-8 tahun), proses pemerolehan bahasa ibunda terus berlaku seiring dengan proses pertumbuhan (pembelajaran) bahasa:
  - i) Nyatakan ciri-ciri pertumbuhan (pembelajaran) bahasa itu.
  - ii) Bincangkan satu daripadanya dengan memperlihatkan perbezaan proses pemerolehan dengan pembelajaran.[25 markah]
  
3. Program bahasa di sekolah rendah, tahap I dan tahap II, memberi tumpuan terhadap kemahiran bahasa yang berbeza.
  - a) Jelaskan kemahiran-kemahiran yang ditumpukan dalam tahap I dan tahap II di sekolah rendah.
  - b) Cadangkan bagaimana seseorang guru dapat menjayakan program pendidikan bahasa sekolah rendah yang berdasarkan pendidikan asas yang menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). [25 markah]

...2/-

- 2 -

4. a) Terangkan dengan menggunakan contoh bagaimanakah hierarki pembelajaran yang bersifat kumulatif (himpunan) boleh membantu kanak-kanak menguasai kemahiran pengabadian (konservasi) kuantiti.
- b) Bincangkan dengan ringkas perbezaan pendapat di antara ahli behavioris dan ahli psikologi perkembangan kanak-kanak tentang penguasaan kemahiran matematik.

[25 markah]

5. Perkembangan bahasa kanak-kanak di awal tahun-tahun persekolahan (5 - 8 tahun) adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Apakah faktor-faktor itu dan bincangkan dengan ringkas TIGA (3) daripadanya.

[25 markah]

6. a) Bagaimanakah anda mengetahui bahawa seorang anak mula menghayati makna penambahan dan pengurangan.
- b) Huraikan DUA (2) perkara yang perlu diketahui oleh seorang guru agar ia berhasil dalam membimbing kegiatan-kegiatan muridnya yang berhubung dengan penambahan dan pengurangan.

[25 markah]

- 0000000 -